




UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2018 (PERCUBAAN)**MATEMATIK - KERTAS 1****015/1****Julai****1jam****Satu jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.
5. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.
6. Kamu boleh membuat kerja mengira di ruang kosong di dalam kertas soalan ini.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.


1. Rajah 1 menunjukkan sebuah bentuk tiga dimensi.
Diagram 1 shows a three-dimensional shape.



Rajah 1 / Diagram 1

Namakan bentuk tiga dimensi itu.
Name the three-dimensional shape.

- A Kubus
Cube
- B Kuboid
Cuboid
- C Piramid
Pyramid
- D Silinder
Cylinder
2. Nyatakan perpuluhan bagi kawasan berlorek dalam Rajah 2.
State the decimal of shaded region in Diagram 2.



Rajah 2 / Diagram 2

- A 0.03
- B 0.13
- C 0.30
- D 0.32
3. Jadual 1 menunjukkan wang dan kuantiti yang dimiliki oleh Danish.
Table 1 shows the money and quantity owned by Danish.


Wang / Money	RM20	RM10	RM5	50 Sen
Kuantiti / Quantity	3	4	5	6

Jadual 1 / Table 1

Hitung wang yang dimiliki Danish.
Calculate the money owned by Danish.

- A RM 35.50
- B RM 85.00
- C RM 105.30
- D RM 128.00


4. Rajah 3 menunjukkan jisim sebiji kobis. Nyatakan jisim kobis itu ..dalam kg.
Diagram 3 shows the mass of a cabbage.. State the mass of the cabbage, in kg.



Rajah 3 / Diagram 3

- A 2.1 kg
- B 2.5 kg
- C 2.6 kg
- D 3.1 kg

5. Rajah 4 menunjukkan gabungan beberapa buah segi empat tepat dan segi tiga bersudut tegak.
Diagram 4 shows combination of rectangles and right angle triangles.



Rajah 4 / Diagram 4

Apakah pecahan yang mewakili kawasan berlorek daripada keseluruhan rajah?
What is the fraction of shaded region from the whole diagram?

- A $\frac{1}{4}$
- B $\frac{2}{3}$
- C $\frac{3}{4}$
- D $\frac{3}{8}$

6. $1 \text{ km } 725 \text{ m} + 2 \text{ km } 50 \text{ m} =$

- A 3 km 225 m
- B 3 km 775 m
- C 4 km 225 m
- D 4 km 775 m


7. 5 ratus darab 18 bersamaan
5 hundreds multiply by 18 equals to

A 90
B 900
C 9 000
D 90 000

8. $39\,894 - 7 \times 5\,692 =$

A 50
B 55
C 60
D 65

9. Rajah 5 menunjukkan satu garis nombor.
The diagram 5 shows a number line.



Rajah 5 / Diagram 5

Apakah nilai X dan Y?
What is the value of X and Y?

- A X = 9 050, Y = 9 550
B X = 9 100, Y = 9 600
C X = 9 100, Y = 9 700
D X = 9 150, Y = 9 750
10. Jadual 2 menunjukkan gundalan model kereta yang dipandu oleh guru-guru di sebuah sekolah.
Table 2 shows the tally of car model-driven by the teachers in a school.

Jenis kereta / Car model	Gundalan / Tally
Perodua	### ###
Proton	### ### //
Honda	### ### /
Toyota	### ### ///

Jadual 2 / Table 2

Model kereta yang manakah yang mempunyai bilangan kedua tertinggi?
Which model has the second highest numbers of cars?

A Perodua
B Proton
C Honda
D Toyota

11. $1\frac{3}{8} - \frac{1}{2} =$

A $\frac{3}{8}$

B $\frac{7}{8}$

C $\frac{3}{4}$

D $1\frac{1}{8}$

12. Cari hasil bahagi 13.5 dengan 6.
Give the result of 13.5 divided by 6.

A 2.02

B 2.20

C 2.25

D 2.52

13. $8\frac{2}{5} \text{ t} = \underline{\hspace{2cm}} \text{ mt}$

A 8 040

B 8 200

C 8 250

D 8 400

14. $2\frac{1}{5}$ juta =

$2\frac{1}{5}$ millions =

A 2 200

B 22 000

C 220 000

D 2 200 000

15. 88 hari =
88 days

A 11 minggu 3 hari
11 weeks 3 days

B 11 minggu 4 hari
11 weeks 4 days

C 12 minggu 3 hari
12 weeks 3 days

D 12 minggu 4 hari
12 weeks 4 days

16. $2\frac{3}{4} + \frac{5}{8} - \frac{1}{2} =$

A $2\frac{7}{8}$

B $2\frac{3}{4}$

C $2\frac{1}{2}$

D $2\frac{3}{8}$

17. Rajah 6 menunjukkan satu ayat matematik.
Diagram 6 shows a number sentence.

$1000 \div 70 =$

Rajah 6 / Diagram 6

Apakah kebolehjadian ayat matematik di atas menghasilkan jawapan **tanpa** baki?
What is the possibility the number sentence above produce an answer **without** balance?

- A Kecil kemungkinan
Small possibility
- B Sama kemungkinan
Same possibility
- C Pasti
Certainly
- D Mustahil
Impossible

18. Di dalam sebuah kotak terdapat 24 biji manik yang berwarna biru dan merah. 18 daripadanya berwarna merah. Hitung peratusan manik yang **bukan** berwarna merah.
There are 24 beads in a box with blue and red colour. 18 of them are red colour. Calculate the percentage of the beads which **are not** red colour.

- A 15 %
- B 25 %
- C 50 %
- D 75 %

19. Diberi, nisbah bilangan pen kepada buku ialah 1 : 5. Jika bilangan pen ialah 15, berapakah bilangan buku yang ada?
The ratio of the number of pen to the number of book is given as 1 : 5. If the number of pen is 15, how many books are there?

- A 5
- B 15
- C 75
- D 90

20. Jumlah jisim bagi 6 buah bungkusan yang serupa ialah $14\frac{2}{5}$ kg. Cari jisim bagi sebuah bungkusan itu, dalam kg.

The total mass of 6 same parcel is $14\frac{2}{5}$ kg. Find the mass of a parcel, in kg.

A $1\frac{1}{5}$

B $1\frac{2}{5}$

C $2\frac{1}{5}$

D $2\frac{2}{5}$

21. Wajdi mempunyai 3 botol jus oren. Setiap botol mengandungi 0.75 l jus oren. Wajdi menuang kesemua jus oren itu ke dalam 10 biji gelas. Apakah isipadu jus oren di dalam setiap gelas, dalam l,?

Wajdi has 3 bottles of orange juice. Each bottle contains 0.75 l of orange juice. He poured all of the juice into 10 glasses. What is the volume of the orange juice in each glass, in l?

A 0.225

B 2.250

C 0.250

D 2.500

22. Antara nombor berikut, yang manakah akan menjadi 500 000 apabila dibundarkan kepada ribu terdekat?

Which of the following numbers would be 500 000 when rounded off to the nearest thousand?

A 499 124

B 499 735

C 509 021

D 509 941

23. Encik Kamal ada RM50 893.55 dalam akaun pelaburannya. Dia mengeluarkan sejumlah wang untuk membaiki kerosakan rumahnya. Kemudian, Encik Kamal mendapat dividen pelaburannya sebanyak RM16 000. Kini, dia mempunyai wang sebanyak RM45 714.10 dalam akaun pelaburannya. Hitung kos membaiki rumahnya yang rosak.

Mr. Kamal has RM50 893.55 in his investment account. He withdraw a sum of it to fix the damage of his house. Then, he get an investment dividend of RM 16 000. Now, he has RM 45 714.10 in his investment account. Calculate the cost to fix the damage of his house.

A RM 21 179.45

B RM 61 714.55

C RM 66 893.55


D RM 112 607.65

24. Satu bekas guli mengandungi 1000 biji guli berwarna merah, biru, hijau dan kuning. 25% daripada guli itu berwarna merah. Bilangan guli berwarna hijau dan biru ialah sama iaitu 150 biji. Hitung peratus guli berwarna kuning.

A container of marbles content 1000 marbles with red, blue, green and yellow colours. 25% of the marbles is red. The total numbers of green and blue marbles are same which is 150. Calculate the percentage of the yellow marbles.

- A 25 %
- B 30 %
- C 45 %
- D 60 %

25. Rajah 7 menunjukkan jisim beberapa jenis buah.
Diagram 7 shows the mass of a few types of fruits .




Rajah 7 / Diagram 7

Antara yang berikut, gabungan buah-buahan yang manakah mempunyai jisim 2.61 kg?
Which of following combination of fruits has the mass of 2.61 kg?

- A Tembikai, anggur dan betik
Watermelon, grapes and papaya
 - B Betik, durian dan tembikai
Papaya, durian and watermelon
 - C Durian, tembikai dan anggur
Durian, watermelon and grapes
 - D Anggur, betik dan durian
Grapes, papaya and durian
26. Ashraf telah menyertai satu pameran lukisan di Kuala Lumpur. Dia ingin membeli sebuah lukisan yang berharga RM10 490. Penjual lukisan tersebut memberi diskaun sebanyak 15%. Berapakah harga yang perlu dibayar oleh Ashraf?
Ashraf has participated in a painting exhibition in Kuala Lumpur. He wants to buy a painting with the price of RM10 490. The seller of the painting gives him 15% of discount. How much does Ashraf has to pay?
- A RM 1 573.50
 - B RM 7 343.00
 - C RM 8 916.50
 - D RM 10 475.00

27. Rajah 8 menunjukkan isi padu air dalam bikar X dan bikar Y.
 Diagram 8 shows the volume of water in beaker X and beaker Y.




Rajah 8 / Diagram 8

Berapakah isi padu air, dalam ml, yang perlu dituang daripada bikar X ke dalam bekas Y supaya isi padu air dalam kedua-dua bekas adalah sama?

What is the volume of water, in ml, which need to be poured from beaker X into beaker Y so that the volume of water in both beaker is equal?

- A 375
 B 900
 C 1 300
 D 1 750
28. Rajah 9 menunjukkan segi empat tepat PQTU dan segi tiga sudut tegak QRS.
 Diagram 9 shows a rectangle PQTU and a right angled triangle QRS.



Rajah 9 / Diagram 9

Hitung luas dalam cm^2 , bentuk gabungan tersebut.
 Calculate the area in cm^2 , the combined shapes.

- A 40
 B 64
 C 96
 D 128